

UCAPAN
OLEH DATUK DR GHAZALI BIN OTHMAN, PENGARAH KESIHATAN NEGERI
MELAKA SEMPERNA MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI JABATAN KESIHATAN
NEGERI MELAKA PADA 17 DISEMBER 2014 (RABU)

Terima kasih Tuan/Puan Pengerusi Majlis,

Yang Dihormati,

Timbalan-timbalan Pengarah,

Pengarah-pengarah Hospital,

Pegawai-pegawai Kesihatan,

Ketua-ketua Unit dan semua warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Melaka.

Assalamualaikum wbt, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Salam Melaka Maju, Negeri Bandar Teknologi hijau, Melaka 752 tahun, Melaka Maju Fasa 11, Berkat, tepat, Cepat.

- Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur perhimpunan pagi hari ini iaitu Bahagian Kesihatan Awam khususnya dan semua urusetia yang terlibat amnya, atas kesungguhan tuan/puan dalam menjayakan majlis ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua yang dapat meluangkan masa menghadiri Majlis Perhimpunan Pagi ini.

Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-Tuan dan Puan-puan,

- Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat daripada Gred UD54 ke KUP Kas C. Walaupun Tuan-puan diminta bertukar tempat bertugas, saya harapkan agar semangat kerja Tuan Puan tetap utuh dan mempamerkan hasil mutu kerja yang terbaik tidak kira di mana sahaja anda ditempatkan. Jadikan diri tuan/puan sebagai pulau jika dicampak ke laut dan jadikanlah diri tuan/puan sebuah kampong jika dicampak ke hutan. Kepada mereka yang belum berpeluang untuk dinaikkan pangkat, harap bersabar, InsyaAllah akan tiba giliran tuan/puan kelak.
- Di mana saja kita berada, ingtlah kepada adalah 3 elemen utama Budaya Korporat yang harus kita semua amalkan iaitu Profesionalisma, semangat Kerja Berpasukan dan Penyayang, bagi mencapai hasil kerja yang mantap dan berkualiti.
- Tahniah juga saya ucapkan kepada Klinik-klinik Kesihatan yang berjaya diiktiraf sebagai Klinik Rakan Bayi. Semoga pengiktirafan ini akan menjadi pembakar semangat untuk terus komited menjayakan dan memajukan apa jua inisiatif kualiti yang dianjurkan oleh KKM.

- Tahniah kepada Pasukan Pemeriksaan Pembiakan Aedes (PPA) yang telah Berjaya dinobatkan sebagai pasukan yang paling banyak mengeluarkan notis kompaun atas kesalahan membiak jentik-jentik.

Sidang hadirin sekalian,

- Sepertimana yang kita telah lihat sebentar tadi, video mengenai Program KOSPEN di bawah jagaan Unit Penyakit Tidak Berjangkit (NCD). Untuk makluman anda semua, KOSPEN bermaksud Komuniti Sihat Perkasa Negara merupakan satu inisiatif yang dicetuskan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr S. Subramaniam pada Julai 2013. Pada permulaannya, ianya merupakan satu Program kolaborasi antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak KEMAS di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Selepas itu, Program KOSPEN ini telah dikembangkan untuk bersama-sama dengan Rukun Tetangga di bawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional dan juga FELDA Golden Ventures. Di Negeri Melaka kita belum lagi melibatkan pihak FELDA.
- Inisiatif ini adalah untuk memperkasakan rakyat Malaysia dalam penjagaan sendiri bagi mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit atau *Non Communicable Diseases* (NCD) di Malaysia, dengan menggunakan mekanisma kerajaan di peringkat akar umbi. Penyakit NCD yang saya maksudkan di sini adalah seperti Diabetes, Darah Tinggi, Penyakit Jantung, Angin Ahmar dan juga Kanser.
- Pelaksanaan inisiatif ini berkonsepkan '*holding hands*' di mana pihak KKM memberi latihan dan panduan teknikal kepada pegawai KEMAS, Pegawai Perpaduan, AJK Rukun Tetangga dan juga sukarelawan yang akan melaksanakan aktiviti di komuniti.
- Sukarelawan ini yang dikenali sebagai GSiM (Gerak Sihat Malaysia) akan menjalankan saringan kesihatan ke atas komuniti yang berumur 18 tahun ke atas. Saringan yang mereka akan jalankan adalah pengambilan berat, tinggi dan BMI, mengukur tekanan darah dan juga paras gula dalam darah.
- GSiM ini juga bertindak sebagai '*agent of change*' bagi membentuk amalan sihat di kalangan masyarakat. Apa yang kita sasarkan adalah agar masyarakat dapat mengubah tingkah laku mereka ke arah lebih melakukan aktiviti fizikal, tidak merokok, bijak memilih makanan yang sihat, bijak menguruskan berat badan dan menjalankan saringan kesihatan bagi mengetahui status kesihatan mereka. Ini selari dengan matlamat kerajaan Negeri Melaka sebagai Negeri Maju untuk menuju ke arah mencapai Negeri Bandar Teknologi Hijau pada tahun 2020, Melaka memerlukan rakyat yang produktif dan mengamalkan gaya hidup sihat.

Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-Tuan dan Puan-puan,

- Perubahan tingkah laku lain yang diharapkan adalah tabiat mengasingkan gula daripada minuman panas, menyediakan air kosong, memastikan sayur-sayuran dan buah-buahan dihidang dalam semua majlis dan mesyuarat yang dijalankan. Kita, sebagai warga Jabatan Kesihatan seharusnya memulakan perkara ini dan menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat dan orang ramai.

Dengan ini saya menyeru dan mengharapkan agar semua majlis dan mesyuarat anjuran Jabatan Kesihatan Negeri Melaka hendaklah menyediakan air kosong, mengasingkan gula daripada minuman panas dan menyediakan sayur-sayuran serta buah-buahan. Yang penting sekali kesemua majlis anjuran kita hendaklah merupakan Majlis yang BEBAS ASAP ROKOK.

- Buat masa ini terdapat 86 lokaliti KOSPEN di seluruh negeri Melaka iaitu 70 lokaliti KOSPEN KEMAS dan 16 lagi lokaliti KOSPEN Rukun Tetangga di Negeri Melaka. Tahun hadapan akan ada penambahan sebanyak sekurang-kurangnya 70 lagi lokaliti KOSPEN di negeri Melaka. Ini sejajar dengan harapan YBMK agar menjelang tahun 2016 :

- Sebanyak 10,000 lokaliti KOSPEN akan ditubuhkan.
- Seramai 19,000 sukarelawan KEMAS dilatih.
- Seramai 50,000 sukarelawan komuniti dilatih.

- Kesemua lokaliti di negeri Melaka mempunyai sign board berwarna ungu dan kuning sebagai tanda ianya adalah Lokaliti KOSPEN. Saya menyeru kepada Tuan Puan agar melibatkan diri secara langsung dalam program ini di kampung dan taman tempat tinggal kita. Saya berharap Tuan Puan yang merupakan DUTA kepada Jabatan Kesihatan Negeri Melaka perlu tampil ke hadapan, menjadi sukarelawan di tempat tinggal masing-masing, malah menjadi penggerak utama agar program KOSPEN ini berjalan dengan lancar.

- Sehingga 14 November 2014, seramai 2,062 orang telah disaring dan 978 orang daripadanya (47%) mempunyai BMI melebihi 25, 408 orang (20%) mempunyai tekanan darah melebihi 140/90mmHg dan 1,013 (49%) mempunyai paras gula dalam darah melebihi 5.6mmol/L. Ini menunjukkan bahawa Program KOSPEN ini adalah satu program yang baik kerana ianya boleh digunakan sebagai satu platform untuk mengesan anggota masyarakat yang berpotensi menghidapi penyakit kronik dan seterusnya mereka boleh mendapatkan rawatan segera bagi mengelakkan komplikasi yang lebih teruk daripada berlaku.

- Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan syabas kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan program Perhimpunan Pagi, jabatan Kesihatan Negeri Melaka ini. Penglibatan pelbagai pihak, terutamanya daripada luar sektor kesihatan, dan semangat kerjasama yang ditunjukkan dalam membudayakan amalan cara hidup sihat ini haruslah diteruskan dan dipertingkatkan. Saya berharap agar program KOSPEN ini akan terus berjaya dan kita sebagai warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka terlebih dahulu harus menunjukkan contoh yang baik agar menjadi ikutan masyarakat.

Sekian, terima kasih.